

71

NO. SOALAN: 37

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA]

TARIKH : 13 MAC 2018

RUJUKAN : 10712

SOALAN :

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab-sebab utama yang mengakibatkan seorang anak warga Negara Malaysia yang lahir dalam negara hilang kelayakan hanya disebabkan pendaftaran perkahwinan ibu bapa lewat satu bulan selepas tarikh kelahirannya dan bukankah surat akuan serta laporan DNA cukup membuktikan talian persahabatan bapa dan anak berkenaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kelahiran di Malaysia tidak menyebabkan seseorang individu memperoleh kewarganegaraan secara automatik. Ini adalah kerana taraf kewarganegaraan ditentukan berdasarkan kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa individu sewaktu kelahiran berlaku. Dalam hal ini, bagi individu yang dilahirkan sebelum perkahwinan ibu bapa mereka didaftarkan secara sah mengikut perundangan negara ini, maka kewarganegaraan individu tersebut adalah mengikut kewarganegaraan ibunya selaras dengan Seksyen 17, Bahagian III, Jadual Kedua, Perlembagaan Persekutuan.

Surat Akuan dan keputusan *Deoxyribonucleic Acid* (DNA) hanyalah sebagai dokumen sokongan bagi mengesahkan pertalian darah antara individu dengan ahli keluarga khususnya dengan ibu, bapa atau adik beradik. Ia tidak dijadikan sebagai bukti konklusif dalam penganugerahan kewarganegaraan Malaysia. Dalam hal ini, dokumen-dokumen tersebut juga bukanlah suatu dokumen mandatori yang diperlukan oleh pihak Kerajaan Persekutuan dalam mempertimbangkan permohonan kewarganegaraan Malaysia memandangkan pemohon masih lagi tertakluk kepada undang-undang yang termaktub di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan.